
**MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN NEGERI SEMBILAN**

(NOMBOR PENDAFTARAN: 3648 009)

AHLI-AHLI
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN NEGERI SEMBILAN
(Kemaskini pada 3 Mac 2020)

Pihak Pengurusan:

1. Sr Hj. Engku Mohd Adlin bin Engku Habib - Pengerusi
Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan
2. Sr Mohd Najib bin Hussin - Setiausaha
Penolong Pengarah Ukur
3. Sr Nik Zamri Sham bin Nik Bahari Shah - Ahli
Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan I Negeri Sembilan
4. Sr Mohd Johari bin Md Sharif - Ahli
Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan II Negeri Sembilan
5. Sr Nornisha binti Ishak - Ahli
Juruukur Daerah Negeri Sembilan Barat
6. Puan Norafidzah binti Adnan - Ahli
Pembantu Tadbir

Pihak Pekerja:

1. Encik Solihuddin bin Jamaludin - Naib Pengerusi
Penolong Juruukur, JA29
2. Puan Siti Aminah binti Angsar - Setiausaha Bersama
Penolong Juruukur, JA29

3. Encik Herrey Azman bin Razali - Ahli
Penolong Juruukur, J36
4. Encik Zakaria bin Mustafa - Ahli
Penolong Juruukur, JA29
5. Encik Nornazrulairy bin Jumaat - Ahli
Penolong Juruukur, JA29
6. Encik Mohd Rusli bin Mohd Yusof - Ahli
Pembantu Awam, H14
7. Encik Zamri bin Mohd Nor - Ahli
Pembantu Awam, H14

Dikemaskinikan oleh:

Setiausaha dan Setiausaha Bersama MBJ
Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan
Tarikh: 3 Mac 2020

PERLEMBAGAAN UNTUK MAJLIS BERSAMA JABATAN BAGI JABATAN UKUR DAN PEMETAAN NEGERI SEMBILAN.

1. KEAHLIAN

Majlis Bersama Jabatan bagi Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan (selepas ini disebut sebagai "Majlis") hendaklah mengandungi tigabelas (13) ahli termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha-setiausaha yang terdiri dari enam (6) ahli yang dilantik oleh Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan (selepas ini disebut sebagai "Pihak Pegawai") dan tujuh (7) ahli yang dipilih oleh Kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan Kakitangan yang mewakili pekerja-pekerja di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan atau pekerja-pekerja itu sendiri (selepas ini disebut sebagai "Pihak Pekerja").

2. PIHAK PEGAWAI

Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada Pegawai-pegawai Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia Cawangan Negeri Sembilan seperti berikut :

- a. Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan - Pengerusi
- b. Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan - Ahli
(Pangkalan Data)

- | | | |
|--|---|------------|
| c. Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan
(Penawanan Data) | - | Ahli |
| d. Jurukur Daerah Negeri Sembilan Barat | - | Ahli |
| e. Jurukur Daerah Negeri Sembilan Timur | - | Ahli |
| f. Penolong Pegawai Tadbir | - | Ahli |
| g. Penolong Pengarah Ukur | - | Setiausaha |

Mereka hendaklah dilantik atas nama jawatan masing-masing.

3. PIHAK PEKERJA

Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja dimana Majlis Bersama ditubuhkan dan dilantik oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan Kakitangan yang berdaftar yang mewakili pekerja-pekerja Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan. Peraturan bagi pemilihan ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang akan disediakan buat permulaan oleh jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Pihak Pekerja di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan.

4. Kekosongan yang berlaku di dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi oleh calon-calon daripada kesatuan yang melantik wakil yang mengosongkan jawatan itu atau pekerja-pekerja itu sendiri.

5. Ahli-ahli Pekerja hendaklah memegang jawatan selama 2 tahun mulai daripada tarikh perantikan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik/dipilih.

6. PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi hendaklah terdiri daripada dan dipilih oleh Pihak Pekerja. Tiap-tiap pihak dalam Majlis hendaklah melantik seorang daripadanya untuk memenuhi jawatan setiausaha Bersama.

7. TUJUAN

Tujuan Majlis adalah :

- a. Untuk memperolehi seluas-luas kerjasama yang menyeluruh diantara Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja yang berkenaan.
- b. Untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja.

- c. Untuk mengumpul berbagai buah fikiran daripada pekerja-pekerja dengan wakil-wakil rasmi Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan.

8. BIDANG TUGAS

Bidang dan fungsi majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk dalam bidang kuasa Majlis yang mana adalah seperti berikut :

- (i) Membincang dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada berkaitan dengan pentadbiran yang berkenaan kecuali semua perkara mengenai pekerja-pekerja persaoangan.
- (ii) Membolehkan kakitangan mengambi bahagian dan lebih bertanggungjawab diatas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan.
- (iii) Menggalakkan kakitangan menerusi penganbilan bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk mendapat pengetahuan yang lebih lagi mengenai pentadbiran berbagai Jabatan dan;
- (iv) Mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi pejabat serta peruntukan bagi menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengeni perkara itu.

9. MESYUARAT-MESYUARAT

Mesyuarat-mesyuarat bagi Majlis hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.

10. Kuoram bagi mesyuarat Majlis hendaklah tidak kurang dari 50% Pihak Pegawai dan 50% Pihak Pekerja.

11. Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha-setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada 7 hari sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan naib Pengerusi.

12. Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengerusi atau Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh pegawai-pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis memanggil mesyuarat tersebut.

13. KEPUTUSAN

Segala keputusan-keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan diantara kedua-dua belah pihak.

- 14.** Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan Jabatan-jabatan lain dan tidak pula bertelingkah dengan dasar kerajaan bolehlah diselenggarakan atau dilaksanakan terus oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan ataupun dengan Jabatan-jabatan lain ianya hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan.

15. PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

Perlembagaan majlis boleh dipinda di mana-mana satu mesyuarat Majlis. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedarkan kepada ahli-ahli majlis sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan awam untuk diluluskan.